## GARIS PANDUAN LESEN SEMENTARA KL PRIHATIN

| Bil | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 1 | Syarat dan Kaedah Permohonan | i. Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas. **(Penglibatan warga asing adalah dilarang dan menjadi satu kesalahan)**<br><br>ii. Membuat permohonan secara dalam talian di https://elesen.dbkl.gov.my atau menghantar borang yang lengkap diisi beserta dokumen sokongan yang diperlukan :<br>- Salinan kad pengenalan<br>- Pelan lokasi<br>- 1 gambar lokasi<br>- Surat kebenaran pemilik tanah/bangunan/kompleks (jika berkaitan)<br><br>*Borang boleh dimuat turun di https://elesen.dbkl.gov.my<br><br>iii. Permohonan dibuka mulai 15 November 2020 hingga 31 Mac 2021<br><br>iv. Lokasi penghantaran borang:<br>a) Lokasi awam/persendirian - hantar di pejabat cawangan DBKL mengikut parlimen atau;<br>b) Lokasi di Projek Perumahan Awam (PPR) dan Perumahan Awam (PA) yang diselia oleh DBKL – hantar di pejabat zon perumahan yang berdekatan. |
| 2 | Lokasi/Tapak Perniagaan Yang Dibenarkan | i. Tapak permohonan aktiviti perniagaan adalah tertakluk kepada kelulusan Datuk Bandar Kuala Lumpur;<br><br>ii. Bagi tapak dalam tanah/kawasan persendirian/ bangunan/kompleks kerajaan perlu mendapat kebenaran pemilik atau pihak pengurusan. |

| Bil | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 3 | Jenis Aktiviti Perniagaan | i. Makanan dan minuman;<br>- Aktiviti menggoreng/memasak dalam skala kecil adalah dibenarkan dengan syarat hanya penggunaan satu (1) tungku dapur sahaja. Contoh : pisang goreng, keropok lekor dan burger.<br><br>ii. Barangan Kering (pakaian, kasut dan sebagainya) ;<br><br>iii. Buah-buahan.<br><br>iv. Barangan mentah/basah<br><br>** *Memastikan* ***tiada*** *sisa/sampah tidak ditinggalkan di tapak perniagaan dan hendaklah dibuang di tong sampah yang bersesuaian.* |
| 4 | Jenis Aktiviti Perniagaan **Tidak Dibenarkan** | i. Barangan kawalan seperti tembakau, bahan letupan, 'vape', alkohol, dan lain-lain yang menyalahi Undang-Undang;<br><br>ii. Perkhidmatan dan sewaan seperti 'kiddy ride', urutan, judi, gunting rambut, basikal dan sebagainya. |
| 5 | Waktu Perniagaan | i. Pagi : 7:00 pagi sehingga 11:00 pagi<br>ii. Tengahari : 11:00 pagi sehingga 3:00 petang<br>iii. Petang : 3:00 petang sehingga 7:00 petang<br>iv. Malam : 7:00 petang sehingga 10:00 malam<br><br>** *Tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan.*<br>** *Pemohon boleh memilih waktu i/ii/iii/iv untuk masa perniagaan tetapi tertakluk kepada kelulusan DBKL.* |
| 6 | Tempoh Lesen | 15 November 2020 sehingga 15 April 2021 sahaja. |
| 7 | Kadar Bayaran Fi Lesen | PERCUMA. |

| Bil | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 8 | Peralatan dan Saiz Tapak | i. Meja lipat dan dialas;<br>ii. Saiz kanopi / tapak 8'x8'. |
| 9 | Syarat Lesen | i. Lesen terhad kepada satu orang satu lokasi sahaja (Penjaja yang mempunyai lesen sedia ada tidak dibenarkan memohon) ;<br>ii. Keutamaan kepada pemastautin di Kuala Lumpur;<br>iii. Jualan secara bungkus sahaja ('*take away')* ;<br>iv. Pelesen hendaklah sentiasa berada di tapak;<br>v. Tiada warga asing dibenarkan terlibat dalam aktiviti perniagaan;<br>vi. Pelesen perlu mengambil suntikan *typhoid* (makanan/minuman sahaja) ;<br>vii. Tidak dibenarkan membina sebarang struktur semi kekal / kekal;<br>viii. Tidak dibenarkan meletakkan kerusi/meja untuk pelanggan;<br>ix. Memastikan kebersihan di sekitar tapak perniagaan semasa dan selepas perniagaan;<br>x. Menyediakan tong sampah yang bertutup secukupnya di sekitar lokasi perniagaan;<br>xi. Memastikan tiada sampah ditinggalkan selepas tamat masa perniagaan;<br>xii. Tidak dibenarkan mencuci peralatan di tapak perniagaan;<br>xiii. Mengosongkan tapak perniagaan selepas waktu perniagaan;<br>xiv. Mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh KKM dan MKN; |

| Bil | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| | | xv. Pemegang lesen tertakluk kepada UUK Pelesenan Penjaja WPKL 2016. |
| 10 | Penguatkuasaan | i. Kesalahan kali pertama – AMARAN (Notis Penguatkuasaan);<br>ii. Kesalahan kali kedua – Notis KOMPAUN;<br>iii. Kesalahan kali ketiga dan seterusnya – tindakan BATAL lesen dan SITA serta merta.<br>iv. Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak untuk membatalkan mana-mana lesen yang telah diluluskan sekiranya pelesen gagal mematuhi syarat yang telah ditetapkan atau terdapat aduan orang ramai atau wujud kacauganggu atau perkara lain yang difirkan perlu. |

# CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN LESEN SEMENTARA KL PRIHATIN SECARA DALAM TALIAN



# CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN LESEN SEMENTARA KL PRIHATIN SECARA MANUAL

